

Keynotes

PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI PERLIS 2019: PENANAMAN POKOK BAKAU DAN KUTIPAN SAMPAH (TRASH HERO) DI KOMALAUT, KUALA PERLIS

- Melibatkan kerjasama 2 buah IPTA iaitu Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis serta Sekolah Menengah Kebangsaan Sanglang
- Program ini dikendalikan oleh pelajar UUM sebagai salah satu aktiviti di bawah subjek yang ditetapkan dalam universiti
- Perayaan Hari Bumi disambut di lebih daripada 193 buah negara pada 22 April setiap tahun. Program ini dianjurkan bagi mempamerkan dan mempromosikan kesedaran alam sekitar dalam pemeliharaan dan pemuliharaan serta melindungi bumi kita.
- Tema sambutan Hari Bumi tahun 2019 adalah Lindungi Spesis Kita (Protect Our Species). Spesis yang kita lindungi adalah spesis yang terancam dan semakin pupus. Menurut kajian saintis, kita kehilangan spesis sebanyak 1,000 hingga 10,000 kali dari kadar normal.
- Bilangan haiwan yang berada di daratan juga merosot sehingga 40% dari tahun 1970. Manakala hidupan di dalam air daratan juga menurun sehingga 75% dan lebih daripada 25% hidupan marin yang hidup di batu karang di dasar laut turut mengalami kepupusan kerana kerosakan kepada batu karang yang tidak dapat dipulihkan
- Melalui program kita hari ini, aktiviti penanaman pokok ini juga sangat penting di dalam melindungi spesis kita kerana hampir separuh hutan di seluruh dunia telah diterokai dan pentingnya pokok ini sebagai bekalan oksigen dan juga mengurangkan suhu bumi ini.

- Jabatan Alam Sekitar Perlis telah menjayakan pelbagai program bersempena Hari Bumi pada bulan April ini seperti aktiviti menghasilkan bebola lumpur atau mudball, membaling bebola lumpur ke dalam sungai Perlis, Pertandingan Melukis Doodle dan ceramah serta pameran bagi terus meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi melindungi bumi kita dari pencemaran yang memudaratkan.
- Bertetapan dengan tema hari bumi tahun ini juga, kita meneruskan misi bagi mengurangkan penggunaan plastic sekali guna di dalam aktiviti yang dianjurkan supaya kelestarian alam sekitar dapat dikekalkan.
- Atas tujuan itu, Jabatan Alam Sekitar Perlis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyemai semangat cintakan alam sekitar dan bersama-sama melaksanakan program penanaman pokok dan usaha mengutip sisa sampah melalui program trash hero UiTM Cawangan Perlis.
- Jalinan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dalam merealisasikan perjalanan program kita hari ini adalah juga bertepatan dengan tema Hari Bumi dan juga Sambutan Hari Hutan Antarabangsa bagi memastikan bumi Malaysia terus subur dengan oksigen yang diperlukan manusia dan hidupan lain serta membantu menurunkan suhu bumi kita yang semakin ketandusan. Penghargaan yang tak terhingga kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perlis atas komitmen dan kerjasama yang diberikan.
- Diharap dengan program seumpama ini, setiap individu perlu sedar dan tahu peranan dan tanggungjawab bagi memastikan alam sekitar kekal terpelihara.